

**Pakatan sudah muktamad agihan kerusi DUN Johor- Muhyiddin  
Malaysia Kini.com  
8 Februari 2018**

Pakatan Harapan (HARAPAN) sudah memuktamadkan pembahagian 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor antara parti komponennya bagi bertanding Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Timbalan Presiden PH Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata keputusan telah dicapai dengan baik antara parti komponen secara kesepakatan.

"Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) akan bertanding 18 kerusi DUN, DAP 14 kerusi manakala AMANAH dan PKR masing-masing 12 kerusi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat HARAPAN Johor di Johor Baharu hari ini.

Muhyiddin berkata pecahan kerusi akan diumumkan kelak dan pembahagian kerusi yang sudah diselesaikan itu membolehkan jentera pilihan raya memulakan gerakan kerja menghadapi PRU14.

Beliau berkata HARAPAN merancang mengadakan rapat raksasa 6 April depan di bandar raya ini membabitkan lima pemimpin utama HARAPAN sebagai acara kemuncak lawatan mereka ke seluruh negara.

Konvensyen HARAPAN Johor juga dijangka diadakan pada bulan April.

"Rapat raksasa akan diadakan pada sebelah malam di lokasi yang akan ditetapkan. Satu jawatankuasa pula sudah diwujudkan bagi mengadakan Konvensyen HARAPAN, namun, tarikhnya belum diputuskan," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin yang juga presiden HARAPAN berkata parti itu akan mengambil tindakan melalui lembaga disiplin terhadap mana-mana anggota parti itu yang membuat aduan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) berhubung isu pelanggaran perlembagaan parti.

"Kalau bukan anggota parti, kami akan rujuk kes tersebut kepada peguam sama ada wujud tindakan jahat untuk memalukan atau fitnah. Kalau mereka adalah anggota parti, sama ada mereka pegang jawatan atau tidak, kami akan serahkan kepada lembaga disiplin.

"Saya fikir mereka ini tidak layak lagi jadi anggota parti. Sesiapa yang memburukkan parti tanpa merujuk pucuk pimpinan, maka, kami anggap ini satu tindakan jahat dan kami akan ambil tindakan tegas," katanya.

© 1999-2018 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/411600>